

## PERANAN WANITA DALAM MEMPERKASA KELESTARIAN EKONOMI, KAJIAN PERBANDINGAN MALAYSIA-INDONESIA

*Nor Hayati Fatmi Talib<sup>1</sup>, Norfazila Ahmad<sup>2</sup>, Azalinda Mat Saad<sup>3</sup>,  
Bani Hidayat Mohd Shafie<sup>4</sup>, Marlya Fatira<sup>5</sup>, Ermyna Seri<sup>6</sup> & Mariahati<sup>7</sup>*

*Politeknik Nilai, Negeri Sembilan<sup>1, 2, 3</sup>*

*IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi<sup>4</sup>*

*Politeknik Negeri Medan<sup>5, 6, 7</sup>*

*yati\_6709@yahoo.com<sup>1</sup>*

### ABSTRAK

Dunia hari ini memperlihatkan bahawa wanita bukan hanya berperanan di rumah tetapi keluar ke dunia pekerjaan bagi keperluan ekonomi dan pembangunan negara. Adakah wanita mempunyai kesediaan untuk berperanan dalam kelestarian pembangunan ekonomi? Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesediaan wanita, tahap pengamalan fiqh dalam kerjaya, isu/masalah dalam berkerjaya dan sistem sokongan bagi wanita dalam pembangunan ekonomi. Kajian kuantitatif berbentuk tinjauan menggunakan soal-selidik yang diadaptasi daripada Hamzah & Basiron (2013) dan Faradillah et.al (2015) dilaksanakan secara atas talian (google form) melibatkan 510 responden iaitu 394 responden dari Malaysia dan 116 responden dari Indonesia. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kesediaan wanita untuk berperanan dalam pembangunan ekonomi adalah tinggi (SM=4.04, SP=0.59) dan amalan fiqh dalam kerjaya juga tinggi (SM=4.64, SP=0.43). Isu yang dihadapi adalah sederhana rendah (SM=2.61, SP=0.81) manakala tahap sistem sokongan adalah sederhana tinggi (SM=3.85, SP=0.72). Analisis secara inferensi Mann-Whitney U Test mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara warganegara bagi aspek kesediaan wanita untuk berperanan dalam pembangunan ekonomi,  $U=20092.000$ ,  $z=-1.982$ ,  $p=.048<0.05$ , aspek amalan fiqh dalam kerjaya,  $U=16572.500$ ,  $z=-4.579$ ,  $p=.000<0.05$  dan aspek sistem sokongan,  $U=17181.500$ ,  $z=-4.075$ ,  $p=.000<0.05$ . Analisis secara inferensi Kruskal-Wallis pula memperlihatkan perbezaan yang signifikan berdasarkan status perkahwinan bagi aspek amalan fiqh dalam kerjaya  $\chi^2(4, n=510)=29.288$ ,  $p=.000<0.05$  dan terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan tahap pendidikan bagi kesemua aspek yang dikaji. Wanita yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi lebih bersedia berperanan dalam pembangunan ekonomi  $\chi^2(7, n=510)=73.855$ ,  $p=.000<0.05$ , lebih tinggi amalan fiqh dalam kerjaya  $\chi^2(7, n=510)=44.483$ ,  $p=.000<0.05$ , memahami isu  $\chi^2(7, n=510)=34.268$ ,  $p=.000<0.05$  dan sistem sokongan dalam pembangunan ekonomi  $\chi^2(7, n=510)=38.166$ ,  $p=.000<0.05$ . Kajian ini memaparkan data kedudukan wanita dalam pembangunan ekonomi. Wanita didapati bersedia untuk berperanan, mampu mengamalkan amalan fiqh, masalah yang dihadapi hanya sederhana rendah dan wanita yang berkahwin dan mempunyai tahap pendidikan yang baik lebih baik dalam dunia kerjaya. Wanita yang berkerjaya boleh dibantu agar dapat berperanan dengan lebih bermakna.

Kata kunci: Wanita, Kesediaan, Amalan Fiqh & Sistem Sokongan.

### PENGENALAN

Terdapat peningkatan jumlah penduduk di Malaysia dari masa ke semasa lebih-lebih lagi di Indonesia yang merupakan antara negara yang memiliki rakyat terbanyak di dunia. Setiap individu rakyat warga Malaysia dan Indonesia merupakan aset berharga kepada negara yang mempunyai potensi tersendiri dalam pembangunan negara. Pembangunan sesebuah negara berkait langsung dengan tahap pendapatan perkapita masyarakat dan keupayaan masyarakat hidup dengan baik terhindar dari kemiskinan.

Sesebuah masyarakat pula terdiri daripada komponen keluarga yang perlu dibangunkan bagi mencapai kehidupan yang berkualiti dari segi tahap pendidikan, kesihatan, keupayaan kewangan dan sebagainya. Semua warganegara mencapai umur dewasa tanpa mengira kaum, agama, bangsa, adat resam dan taraf hidup perlu memainkan peranan masing-masing bagi melestarikan pembangunan ekonomi negara termasuklah golongan wanita. Perkembangan pelbagai bidang industri baru di samping industri sedia ada menyediakan ruang dan peluang yang besar dalam dunia pekerjaan sekaligus memenuhi keperluan taraf hidup yang semakin meningkat, keperluan gunatenaga manusia, desakan hidup, kemiskinan dan sebagainya yang kemudiannya membawa kepada pembangunan negara.

Wanita seringkali dilihat sebagai pengurus rumahtangga yang bertanggungjawab menjaga dan membahagiakan keluarga. Wanita berperanan melahirkan anak-anak penerus generasi manusia di muka bumi dan selalu dikatakan sebagai tulang belakang kejayaan seseorang lelaki. Sungguhpun begitu, Islam tidak melarang wanita untuk berkerjaya, bergiat dalam bidang ekonomi dan juga bidang-bidang lain selagi menjaga batas-batas syariat dan menunaikan segala tanggungjawab yang ditetapkan. Firman Allah swt dalam surah an-Nisa' ayat 32 yang bermaksud:

*'(Kerana) bagi orang lelaki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan bagi wanita (pun) ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, mohonlah kepada Allah swt sebagian dari kurniaan-Nya, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu'*

*(Surah an-Nisa' ayat 32)*

Berdasarkan firman Allah swt ini, jelas memperlihatkan bahawa wanita yang berusaha untuk mendapatkan sesuatu akan diberikan Allah swt walaupun wanita boleh berharap mendapat sesuatu yang diberikan oleh Allah swt kepada lelaki yang berusaha. Setiap usaha yang baik yang dilakukan oleh seseorang samada lelaki atau perempuan pasti mendapat ganjaran daripada Allah swt. Manusia juga diminta sentiasa memohon kepada Allah yang Maha Mendengar. Wanita Islam dalam sejarah juga berperanan dalam pembangunan ekonomi seperti isteri Rasulullah saw ummul Mukminin Saidatina Siti Khadijah RA adalah pedagang import dan export yang berjaya (Abd al-Rabb Nawwab al-Din, 1986).

Wanita zaman Rasulullah SAW ada yang terlibat dalam bidang pertanian, perusahaan dan perniagaan seperti Asma' binti Abu Bakr di bidang pertanian, Umm al-Mundhir binti Qays peniaga tamar dan Asma' binti Makhzumah peniaga minyak wangi (Faisal Othman, 1993). Islam tidak melarang wanita untuk berkerjaya selagi memenuhi kehendak syariat, menunaikan hak dan tanggungjawab yang ditetapkan. Jika dilihat dari segi komposisi wanita dibandingkan dengan lelaki di dunia kini, jumlah wanita hampir seramai lelaki. Sekiranya wanita juga terlibat dalam pembangunan ekonomi negara, sudah pasti keberhasilan pembangunan ekonomi akan turut meningkat.

Wanita yang berperanan dalam pembangunan ekonomi perlu menyediakan dirinya secara mental, fizikal, emosi dan kewangan kerana pertambahan kehendak dan tanggungjawab akan berlaku, berkemungkinan menghadapi isu tanggapan, keupayaan, kesesuaian bidang kerjaya, pengurusan masa, persaingan dengan lelaki dan sebagainya. Dalam masa yang sama, wanita masih perlu melaksanakan peranan biologi (mengandung, melahirkan dan menyusukan). Peranan wanita berkerjaya kebanyakannya lebih kepada membantu ekonomi keluarga berbeza dengan lelaki yang berkerjaya bagi menyara keluarga yang menjadi tanggungjawab sebagai ketua keluarga. Justeru itu, peranan wanita sewajarnya dihargai dan disokong oleh pelbagai pihak agar wanita dapat berprestasi dengan baik dalam dunia kerjaya.

Bagi aspek sistem, terdapat banyak sistem sokongan di Malaysia yang menjaga dan membantu wanita dalam berkerjaya seperti Dasar Wanita Negara (DWM) 1989 dimana wanita dijamin perkongsian yang saksama di dalam pemilikan sumber dan maklumat, peluang dan faedah pembangunan, mengintegrasikan wanita dalam sektor pembangunan negara berdasarkan kemampuan dan keperluan. Terdapat juga Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita dalam Pembangunan (NACIWID), Jabatan Perdana Menteri 1976 mengenai pelan tindakan sedunia mengenai wanita dalam pembangunan Negara. Hal Ehwat Wanita (HAWA) 1983 pula mengawasi dan menilai perkhidmatan yang dibekalkan oleh sektor awam dan swasta bagi faedah kaum wanita.

Pusat maklumat utama mengenai hal ehwal wanita juga urusetia NACIWID. Terdapat banyak Non Government Organization (NGO) yang juga menjadi sistem sokongan bagi wanita seperti Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (NCWO), Perkumpulan Wanita (WI), Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI) dan sebagainya. Terdapat sistem sokongan juga di Indonesia, antaranya peranan wanita dalam pembangunan negara telah dimasukkan dalam Tap MPR No. IV/MPR 1999 dalam GBHN dimana menekankan aspek meningkatkan kedudukan dan peranan wanita melalui kebijaksanaan nasional dan meningkatkan kualiti peranan dan (kemandirian) keupayaan berdikari wanita.

Dalam konteks Malaysia, peranan wanita dalam pembangunan ekonomi telah menunjukkan impak yang besar dan dijangkakan meningkatkan KDNK negara sehingga 0.4% setiap tahun (Su Lyn 2014). Ini menunjukkan signifikannya wanita dalam pembangunan ekonomi negara. Kerajaan Malaysia dan Indonesia telah berusaha memberdaya wanita dalam pembangunan ekonomi dengan pelbagai inisiatif dengan membuka ruang yang luas dan fleksibel agar terus dan meningkatkan peranan wanita (Zilman 2016 & United Nation Development Programme 2014)

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti peranan wanita yang beragama Islam dan berkerjaya dalam pembangunan ekonomi melibatkan dua buah negara iaitu Malaysia dan Indonesia. Secara khususnya kajian ini bertujuan:

- i. Menenalpasti tahap kesediaan wanita untuk berperanan dalam pembangunan ekonomi.
- ii. Menenalpasti tahap pengamalan fiqh dalam kerjaya wanita.
- iii. Menenalpasti isu atau masalah yang dihadapi wanita dalam berkerjaya.
- iv. Menenalpasti sistem sokongan yang ada dalam membantu wanita berkerjaya.
- v. Melihat perbezaan antara negara, status perkahwinan dan tahap pendidikan terhadap aspek yang dikaji.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini telah dilaksanakan secara tinjauan (survey) menggunakan instrumen Hamzah et. al (2013) dan Faradillah et. al (2015) bagi mendapatkan data kajian ini. Soal selidik yang digunakan mengandungi skala pemeringkatan Likert 1 hingga 5 bagi mengukur maklumbalas sampel kajian iaitu sekala persetujuan sangat tidak setuju sehingga sangat setuju. Soal selidik ditakbirkan secara atas talian (Google Form) dengan mengedarkan pautan kepada kumpulan wanita yang muslim dan berkerjaya secara rawak melalui aplikasi whatsapp dan sampel yang menjawab instrumen memanjangkan URL kajian kepada kumpulan wanita muslim yang lain pula di seluruh Malaysia dan Indonesia. Pengumpulan data secara atas talian ini dibuat kerana

ianya senang ditadbir dan mudah untuk analisis. Sampel kajian lebih selesa menjawab kerana tiada identiti sampel di dalam soal selidik dan boleh menjawab mengikut kelapangan masa masing-masing. Pengumpulan data hanya dijalankan selama sebulan kerana kekangan dana yang disumbangkan oleh Politeknik Negeri Medan yang memerlukan hanya had masa tertentu sahaja penggunaan peruntukan yang disediakan.

Data yang diperoleh melalui atas talian telah diproses menggunakan perisian Statistical Package for Social Science Version 21.0 (SPSS V 21.0) secara deskriptif menggunakan frekuensi, skor min dan sisihan piawai. Skala interpretasi yang digunakan bagi memerihalkan tahap dapatan kajian secara deskriptif sebagaimana berikut:

Jadual 1: Skala Interpretasi

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 1.99	Rendah
2.00 – 2.99	Sederhana Rendah
3.00 – 3.99	Sederhana Tinggi
4.00 – 5.00	Tinggi

Sumber: Sanger (2007)

Disebabkan faktor ketidak seimbangan maklumbalas yang diterima menyebabkan data inferensi dianalisis secara bukan parametrik iaitu menggunakan Mann-Whitney U Test bagi melihat perbezaan antara negara Malaysia dan Indonesia. Data inferensi secara Kruskal-Wallis pula digunakan bagi melihat perbezaan dari tahap pendidikan dan status perkahwinan.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dan perbincangan dapatan kajian akan dipaparkan dalam turutan demografi sampel kajian, kesediaan wanita Malaysia Indonesia berperanan dalam pembangunan ekonomi, pengamalan fiqh dalam kerjaya, isu atau masalah yang dihadapi wanita dalam berkerjaya, sistem sokongan yang ada dalam membantu wanita berkerjaya dan dapatan perbandingan terhadap aspek yang dikaji. Jadual 2 di bawah memperincikan demografi sample kajian:

Jadual 2: Demografi Sampel Kajian

PERKARA	N=510	%
<b>Warganegara</b>		
Malaysia	394	77.3%
Indonesia	116	22.7%
<b>Umur</b>		
35 tahun ke bawah	160	31.4%
36 – 55 tahun	330	64.7%
56 tahun ke atas	20	3.9%
<b>Status Perkahwinan</b>		
Belum berkahwin	74	14.5%
Berkahwin	415	81.4%
Janda/Balu	21	4.1%

**Status Pekerjaan**

Perseorangan/bekerja sendiri	71	12.0%
Perkongsian	12	2.4%
Syarikat Sdn. Bhd.	71	13.9%
Bekerja dengan pihak lain	366	71.8%

**Pendapatan Bulanan**

Kurang RM1,000.00/RP3,380,370.00	57	11.2%
RM1,001.00 - RM2,000.00/RP3,380,375.00 - RP6,760,741.00	82	16.1%
RM2,001.00 - RM3,000.00/RP6,764,121.00 - RP10,141,111.00	68	13.3%
RM3,001.00 - RM4,000.00/RP10,144,492.00 - RP13,521,482.00	51	10.0%
RM4,001 ke atas/RP13,542,862.00 ke atas	252	49.4%

**Tahap Pendidikan**

UPSR/SD	7	1.4%
PT3/SMP tahap 1 (13-15 tahun)	8	1.6%
SPM/SMP Tahap 2 (16-17 tahun)	39	5.9%
STPM/SMA	20	3.9%
Diploma	58	11.4%
Ijazah Sarjana Muda/S1	220	43.1%
Ijazah Sarjana/S2	145	28.4%
Ijazah Kedoktoran/S3	22	4.3%

**Tempat Berkerjaya**

Bandar	344	67.5%
Pinggir Bandar	109	21.4%
Luar Bandar	57	11.2%

**Faktor Terlibat dengan Kerjaya**

Desakan ekonomi keluarga	67	13.1%
Minat Berkerjaya	138	27.1%
Memfaatkan ilmu dan kemahiran	243	47.6%
Mengisi masa yang terluang	11	2.2%
Ruang dan peluang bersosial	8	1.6%
Teladan kepada keluarga	8	1.6%
Desakan keluarga	3	0.6%
Status sosial	8	1.6%
Lain-lain	24	4.7%

---

Sumber: Data Lapangan

Instrumen soal selidik telah ditadbir secara atas talian (google form) dimana seramai 394 orang iaitu 77.3% sampel dari Malaysia telah menjawab manakala sampel dari Indonesia adalah

seramai 116 orang iaitu 22.7% menjadikan keseluruhan sampel kajian adal seramai 510 orang. Kebanyakan sampel kajian adalah dalam lingkungan umur 36 hingga 55 tahun iaitu 330 orang (64.7%), 160 orang (31.4%) sampel kajian adalah dalam lingkungan umur 35 tahun kebawah dan 20 orang (3.9%) sampel lagi adalah dalam lingkungan umur 56 tahun ke atas. 415 orang (81.4%) sampel sudah berkahwin, 74 orang (14.5%) berstatus belum berkahwin dan 21 orang (4.1%) sampel adalah janda/balu. Sampel kebanyakannya bekerja dengan pihak lain iaitu seramai 366 orang (71.8%), bekerja perseorangan/bekerja sendiri seramai 71 orang (12%), begitu juga dengan bekerja secara Syarikat Sdn. Bhd seramai 71 orang (12%) juga.

Kebanyakannya sampel kajian berpendapatan RM4,001.00 ke atas atau RP13,542,862.00 iaitu 252 orang (49.4%), 82 orang (16.1%) sampel berpendapatan RM1,001.00 hingga RM2,000.00 atau RP3,380,375.00 hingga RP6,760,741.00, 68 orang (13.3%) sampel adalah berpendapatan RM2,001.00 hingga RM3,000.00 atau RP6,764,121.00 hingga RP10,141,111.00, 57 orang (11.2%) sampel pula berpendapatan Kurang RM1,000.00 atau RP3,380,370.00 dan 51 orang (10%) sampel lagi berpendapatan RM3,001.00 hingga RM4,000.00 atau RP10,144,492.00 hingga RP13,521,482.00.

Kajian mendapati bahawa kebanyakan sampel kajian berada pada tahap pendidikan Ijazah Sarjana Muda atau S1 iaitu seramai 220 orang (43.1%), 145 orang (28.4%) sampel mempunyai tahap pendidikan Ijazah Sarjana atau S2, 58 orang (11.4%) sampel berada pada tahap pendidikan Diploma, 39 orang (5.9%) sampel memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau SMP tahap 2, 22 orang (4.3%) sampel mempunyai pendidikan tertinggi iaitu Ijazah Kedoktoran atau S3, 20 orang (3.9%) sampel berada pada tahap Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia atau SMA, 8 orang (1.6%) sampel Penilaian Tingkatan Tiga dan 7 orang (1.4%) sampel berada pada tahap pendidikan Ujian Penilaian Sekolah Rendah atau SD. 344 orang (67.5%) sampel bekerja di kawasan bandar, 109 (21.4%) bekerja di pinggir bandar dan 57 orang (11.2%) bekerja di luar bandar.

Antara faktor utama wanita Malaysia dan Indonesia terlibat dalam berkerjaya adalah faktor memanfaatkan ilmu dan kemahiran bagi 243 orang (47.6%) sampel diikuti dengan faktor minat berkerjaya bagi 138 orang (27.1%), faktor desakan ekonomi keluarga bagi 67 orang (13.1%), 11 orang (2.2%) sampel atas faktor mengisi masa terluang, 8 orang (1.6%) atas faktor ruang dan peluang bersosial, teladan kepada keluarga dan status sosial. 3 orang (0.6%) atas faktor desakan keluarga dan 24 orang (4.7%) atas lain-lain faktor.

### **Kesediaan Wanita Malaysia Indonesia Berperanan dalam Pembangunan Ekonomi**

Dapatan kesediaan wanita Malaysia Indonesia berperanan dalam pembangunan ekonomi dipaparkan dalam jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Taburan Maklumbalas Mengikut Frekuensi, Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Kesediaan Wanita Malaysia Indonesia Berperanan dalam Pembangunan Ekonomi.

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=510)					Min	SP	Thp
		STS 1	TS 2	KS 3	S 4	SS 5			
B1	Saya berminat menyertai aktiviti pembangunan ekonomi	4	5	63	228	210	4.24	0.76	T
B2	Saya menguasai lebih daripada satu bahasa	22	49	108	231	100	3.66	1.03	ST
B3	Saya mrnguasai penggunaan Teknologi Maklumat (IT)	10	15	97	259	129	3.94	0.86	ST

B4	Saya boleh memandu kenderaan	11	10	14	127	348	4.55	0.82	T
B5	Saya boleh menyeimbangi keperluan kerjaya dan rumah tangga/berkeluarga	4	1	37	246	222	4.34	0.69	T
B6	Saya boleh mengacara majlis	24	41	149	196	100	3.60	1.03	ST
B7	Saya boleh membentangkan kertas kerja/laporan	15	17	72	262	144	3.99	0.91	ST
B8	Saya boleh menyuarakan pandangan dalam bermesyuarat/perbincangan	8	10	64	274	154	4.09	0.80	T
B9	Saya boleh memimpin organisasi	20	14	95	251	130	3.86	0.95	ST
B10	Saya boleh mengurus tekanan	9	9	79	286	127	4.01	0.79	T
B11	Saya boleh menyelesaikan masalah	6	6	49	317	132	4.10	0.71	T
B12	Saya boleh menyediakan laporan/kertas kerja/dll	16	7	65	266	156	4.06	0.87	T
B13	Saya bersedia menghadapi risiko dalam	6	14	57	313	120	4.03	0.75	T
B14	Saya bersedia untuk membuat inovasi	10	8	73	285	134	4.03	0.80	T
<b>KESELURUHAN</b>							<b>4.04</b>	<b>0.59</b>	<b>T</b>

Sumber: Data Lapangan

Jadual 3 di atas memaparkan taburan data maklumbalas sampel kajian berkaitan kesediaan wanita Malaysia Indonesia berperanan dalam pembangunan ekonomi. Daripada 14 item yang ada, terdapat 9 item berada pada tahap tinggi dengan skor tertinggi adalah bagi item B4 iaitu 'saya boleh memandu kenderaan' dengan skor min 4.55 (SP=0.82) dan terendah bagi item B10 iaitu 'saya boleh menyelesaikan masalah' dengan skor min 4.01 (SP=0.79). 5 item berada pada tahap sederhana tinggi dengan skor min tertinggi 3.99 (SP=0.91) bagi item 'saya boleh membentangkan kertas kerja/laporan' dan skor min terendah 3.60 (SP=1.03) bagi item 'saya boleh mengacara majlis'. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati wanita Malaysia dan Indonesia mempunyai kesediaan yang tinggi untuk terlibat dengan pembangunan ekonomi dengan skor min 4.04 (SP=0.59). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa wanita mempunyai kesediaan dimana item yang paling rendah pun berada pada tahap sederhana tinggi dan item yang paling rendah bukan kriteria utama dalam berkerjaya dan terlibat dalam pembangunan ekonomi.

### Amalan Fiqh dalam Kerjaya

Hasil kajian amalan fiqh dalam kerjaya dalam kalangan wanita Malaysia dan Indonesia telah dipaparkan dalam jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Taburan Maklumbalas Mengikut Frekuensi, Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Amalan Fiqh dalam Kerjaya dalam kalangan Wanita

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=510)					Min	SP	Thp
		STS 1	TS 2	KS 3	S 4	SS 5			
C1	Saya mendapat izin suami/ibubapa untuk berkerjaya	1	2	12	99	396	4.74	0.54	T
C2	Saya memilih kawan yang baik semasa bekerja	2	2	21	165	320	4.57	0.63	T

C3	Saya menjaga nama baik dan maruah diri	1	5	94	410	4.79	0.46	T
C4	Saya menjaga nama baik keluarga	1	1	4	86	418	4.80	T
C5	Saya menutup aurat dengan sempurna	1	5	30	187	287	4.48	T
C6	Saya menjaga batas-batas pergaulan	2	1	11	145	351	4.65	T
C7	Saya bekerja dengan niat beribadat	1	2	8	118	381	4.72	T
C8	Saya bekerja dalam bidang yang dibenarkan syarak	2		10	108	390	4.73	T
C9	Saya bekerja dalam bidang yang sesuai dengan sifat kewanitaan	3	7	29	140	331	4.55	T
C10	Saya mampu menyeimbangi tugas kerjaya dan rumahtangga/berkeluarga	2	2	33	199	274	4.45	T
<b>KESELURUHAN</b>						<b>4.64</b>	<b>0.43</b>	<b>T</b>

Sumber: Data Lapangan

Jadual 4 memerihalkan dapatan yang membanggakan kerana data menunjukkan bahawa wanita Islam yang berkerjaya dapat mengamalkan ajaran Islam iaitu amalan fiqh semasa berkerjaya dimana hasil kajian menunjukkan kesemua 10 item berada pada tahap tinggi. Skor min tertinggi adalah bagi item C4 iaitu 'saya menjaga nama baik keluarga' dengan nilai 3.80 (SP=0.46) manakala item terendah adalah item 'Saya mampu menyeimbangi tugas kerjaya dan rumah tangga/berkeluarga' dengan skor min 4.64 (SP=0.43). Secara keseluruhannya, skor min adalah 4.64 (SP=0.43) menunjukkan bahawa wanita mampu mengamalkan amalan fiqh walaupun terlibat dengan kerjaya dan pembangunan ekonomi.

### Isu/masalah Wanita dalam kerjaya

Dapatan kajian berkaitan dengan isu/masalah wanita dalam kerjaya dipaparkan dalam jadual 5 di bawah:

Jadual 5: Taburan Maklumbalas Mengikut Frekuensi, Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Dapatan Isu/Masalah Wanita dalam Kerjaya

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=510)					Min	SP	Thp
		STS 1	TS 2	KS 3	S 4	SS 5			
D1	Diskriminasi bayaran gaji (gaji wanita lebih rendah dari lelaki)	251	96	115	38	10	1.94	1.09	R
D2	Diskriminasi kenaikan pangkat (wanita lebih mudah kenaikan pangkat dari lelaki)	192	117	138	50	13	2.16	1.11	SR
D3	Diskriminasi jenis pekerjaan (wanita sesuai buntut pekerjaan tertentu sahaja)	123	91	153	109	34	2.69	1.24	SR



D4	Gangguan seksual di tempat kerja (lisan, insyarat, visual, psikologi, fizikal)	180	91	143	70	26	2.35	1.23	SR
D5	Isu penjagaan anak-anak	65	47	167	161	70	3.24	1.18	ST
D6	Isu apabila bercuti panjang sebab bersalin	70	60	143	133	104	3.27	1.29	ST
<b>KESELURUHAN</b>							<b>2.61</b>	<b>0.81</b>	<b>SR</b>

Sumber: Data Lapangan

Dapatan Isu atau masalah yang yang berkemungkinan dihadapi oleh kaum wanita Malaysia dan Indonesia semasa berkerjaya di paparkan dalam Jadual 5. Bagi konstruk Isu/masalah wanita dalam kerjaya, skor min yang rendah menunjukkan masalah kurang dihadapi oleh wanita dan tahap tersebut lebih baik berbanding skor yang lebih tinggi. Daripada 6 item isu/masalah wanita dalam berkerjaya, 5 item berada pada tahap sederhana rendah manakala 1 item lagi berada pada tahap rendah. Item paling rendah bermakna paling kurang menjadi isu/masalah iaitu pada skor min 1.94 (SP=1.09) bagi item D1 iaitu 'isu diskriminasi bayaran gaji iaitu berada pada tahap rendah'. 5 item yang berada pada tahap sederhana rendah pula, item yang paling rendah adalah item D2 iaitu 'isu/masalah diskriminasi kenaikan pangkat' iaitu pada skor min 2.16 (SP=1.11) diikuti item D4 iaitu 'isu/masalah ganggung seksual di tempat kerja' dengan skor min 2.35 (SP=1.23), item D3 iaitu 'Isu/masalah jenis pekerjaan yang sesuai untuk wanita' (skor min 2.69, SP=1.24), item D5 iaitu 'isu/masalah penjagaan anak-anak' dengan skor min 3.24 (SP=1.18) dan item D5 iaitu 'isu/masalah apabila bercuti panjang semasa bersalin' dengan skor min 3.27 (SP=1.29).

Secara keseluruhannya, kajian mendapati wanita menghadapi isu/masalah dalam kerjaya pada tahap sederhana rendah iaitu 2.61 (SP=0.81). Kajian ini sekaligus menunjukkan wanita memang ada isu/masalah dalam kerjaya tetapi pada pada tahap sederhana rendah. Isu/masalah yang dihadapi oleh wanita berkerjaya ini mempunyai ruang dimana boleh diatasi atau sekurang-kurangnya dikurangkan sekiranya tindakan-tindakan terhadap isu yang dikenalpasti dibuat di pelbagai peringkat.

### Sistem Sokongan

Dapatan kajian aspek sistem sokongan bagi wanita dalam kerjaya pula dipaparkan dalam jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Taburan Maklumbalas Mengikut Frekuensi, Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Dapatan Sistem Sokongan bagi Wanita dalam Kerjaya

No Item	Pernyataan	Kekerapan (N=510)					Min	SP	Thp
		STS 1	TS 2	KS 3	S 4	SS 5			
E1	Saya mendapat sokongan moral daripada keluarga	2	2	10	155	341	4.63	0.59	T
E2	Saya mendapat sokongan daripada dasar negara seperti di Malaysia 'Dasar Wanita Negara (DWM)'	22	24	112	199	153	3.86	1.03	ST
E3	Saya mendapat sokongan NGO seperti di Malaysia 'majlis Kebangsaan pertubuhan-pertubuhan Wanita (NCWO)	39	36	169	173	93	3.48	1.10	ST

E4	Saya mengetahui adanya sokongan skim-skim yang disediakan oleh pemerintah	32	37	112	208	121	3.68	1.10	ST
E5	Saya mendapat bantuan yang memudahcara bagi mendapatkan sokongan skim-skim yang disediakan oleh pemerintah	36	55	149	190	80	3.44	1.09	ST
E6	Saya mendapat sokongan skim-skim yang disediakan oleh pemerintah	41	50	153	180	86	3.43	1.12	ST
E7	Saya mempunyai rangkaian perhubungan yang baik dalam kerjaya	3	11	79	262	155	4.09	0.77	T
E8	Saya mengetahui wujudnya sokongan badan-badan tertentu seperti zakat, pajak gadai Islam dan sebagainya	6	8	65	232	199	4.19	0.80	T
<b>KESELURUHAN</b>							<b>3.85</b>	<b>0.72</b>	<b>ST</b>

Sumber: Data Lapangan

Jadual 6 di atas memerihalkankan dapatan kajian aspek tahap sistem sokongan dalam membantu wanita dalam berkerjaya. Terdapat 3 item daripada keseluruhan 8 item berada pada tahap tinggi iaitu item E1 iaitu 'saya mendapat sokongan moral daripada keluarga' dengan skor min 4.63 (SP=0.59) yang merupakan skor min tertinggi diikuti item E8 iaitu 'saya mengetahui wujudnya sokongan badan-badan tertentu seperti zakat, pajak gadai Islam dan sebagainya' dengan skor min 4.19 (SP=0.80) dan item E7 iaitu 'saya mempunyai rangkaian perhubungan yang baik dalam kerjaya' dengan skor min 4.09 (SP=0.77). 5 item lagi berada pada tahap sederhana tinggi dengan skor min terendah adalah item E6 iaitu 'Saya mendapat sokongan skim-skim yang disediakan oleh pemerintah' dengan skor min 3.43 (SP=1.12). Secara keseluruhannya, sistem sokongan yang ada membantu wanita dalam kerjaya berada pada tahap sederhana tinggi dengan skor min 3.85 (SP=0.72). Kajian ini sedikit sebanyak membuktikan bahawa wanita mendapat sokongan dengan sistem yang ada pada tahap yang baik dalam pembangunan ekonomi negara. Banyak ruang sokongan yang boleh ditambahbaik dan disediakan untuk lebih menyokong wanita kerjaya agar berupaya membawa kepada pembangunan dan kesejahteraan ekonomi negara.

#### **Perbezaan Persepsi Berdasarkan Negara (Malaysia dan Indonesia) Terhadap Aspek Kesediaan, Amalan Fiqh, Isu/Masalah dan Sistem Sokongan bagi Wanita dalam Berkerjaya.**

Hasil analisis perbezaan berdasarkan negara aspek kesediaan, amalan fiqh, isu/masalah dan sistem sokongan bagi wanita dalam kerjaya dibincangkan berdasarkan perincian dalam jadual 7 di bawah:

Jadual 7: Perbezaan Aspek Kesediaan, Amalan Fiqh, Isu/Masalah dan Sistem Sokongan bagi Wanita dalam Berkerjaya antara Malaysia Indonesia (Analisis secara Mann-Whitney U Test)

	<b>Kesediaan</b>	<b>Fiqh</b>	<b>Isu</b>	<b>Sokongan</b>
Mann-Whitney U	20092.000	16572.500	22439.500	17181.500
Wilcoxon W	26878.000	23358.500	29225.500	23967.500
Z	-1.982	-4.579	-.296	-4.075
Asymp. Sig. (2-tailed)	.048	.000	.767	.000

Kumpulan Pembolehubah: Warganegara

Warganegara		Kesediaan	Fiqh	Isu	Sokongan
Malaysia	N	394	394	394	394
	Median	4.0714	4.8500	2.6667	4.0000
Indonesia	N	116	116	116	116
	Median	4.0000	4.6000	2.6667	3.7500
Total	N	510	510	510	510
	Median	4.0714	4.8000	2.6667	4.0000

Sumber: Data Lapangan

Terdapat perbezaan antara Malaysia dan Indonesia secara signifikan 3 daripada 4 aspek yang dikaji berdasarkan analisis secara non parametric Mann-Whitney U Test. Dari aspek kesediaan wanita dalam berperanan dalam pembangunan ekonomi, Malaysia (Md=4.07, n=394) dan Indonesia (Md=4.00, n=116),  $U=20092.000$ ,  $z=-1.982$ ,  $p=.048$ . Hasil analisis aspek amalan fiqh dalam kerjaya, didapati Malaysia (Md=4.85, n=394) dan Indonesia (Md=4.60, n=116),  $U=16572.500$ ,  $z=-4.579$ ,  $p=.000$ . Sistem sokongan pula menunjukkan bahawa, Malaysia (Md=4.00, n=394) dan Indonesia (Md=3.75, n=116),  $U=17181.500$ ,  $z=-4.075$ ,  $p=.000$ . Hasil analisis mendapati nilai median lebih tinggi bagi Malaysia berbanding Indonesia.

### Perbezaan Persepsi Berdasarkan Status Perkahwinan dan Tahap Pendidikan Terhadap Aspek Kesediaan, Amalan Fiqh, Isu/Masalah dan Sistem Sokongan bagi Wanita dalam Berkerjaya

Jadual 8: Perbezaan Persepsi Berdasarkan Taraf Perkahwinan Aspek Kesediaan, Amalan Fiqh, Isu/Masalah dan Sistem Sokongan bagi Wanita dalam Berkerjaya (Analisis secara Kruskal-Wallis Test)

		Kesediaan	Fiqh	Isu	Sokongan
Chi-square		.773	26.149	3.237	4.128
df		2	2	2	2
Asymp. Sig.		.679	.000	.198	.127
Kumpulan Pembolehubah: Taraf Perkahwinan					
		Taraf Perkahwinan	N=510	Mean Rank	
Kesediaan	Dimensi	belum berkahwin	74	243.76	
		Berkahwin	415	258.24	
		janda/balu	21	242.74	
Fiqh	Dimensi	belum berkahwin	74	175.91	
		Berkahwin	415	269.23	
		janda/balu	21	264.64	
Isu	Dimensi	belum berkahwin	74	283.77	
		Berkahwin	415	251.00	
		janda/balu	21	244.79	
Sokongan	Dimensi	belum berkahwin	74	227.12	
		Berkahwin	415	261.82	
		janda/balu	21	230.60	

Sumber: Data Lapangan

Analisis secara Kruskal-Wallis mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan status perkahwinan dari aspek amalan fiqh dalam kerjaya (k1, n=74: belum berkahwin; k2, n=415: berkahwin; k3, n=21: janda/balu)  $\chi^2 (4, n=510)=29.288, p=.000$ . Dapatan ini memaparkan bahawa wanita berkahwin lebih tinggi amalan fiqh dalam kerjaya.

Jadual 9: Perbezaan Berdasarkan Tahap Pendidikan Terhadap Aspek Kesediaan, Amalan Fiqh, Isu/Masalah dan Sistem Sokongan bagi Wanita dalam Berkerjaya (Analisis secara Kruskal-Wallis Test)

	Kesediaan	Fiqh	Isu	Sokongan
Chi-square	73.855	44.483	34.268	38.166
df	7	7	7	7
Asymp. Sig.	.000	.000	.000	.000
Kumpulan Pembolehubah: Tahap Pendidikan				
	Tahap_Pendidikan	N=510	Mean Rank	
Kesediaan	UPSR/SD	7	49.71	
	PT3/SMP 13-15	8	59.44	
	SPM/SMP 16-17	30	157.08	
	STPM/SMA	20	159.93	
	Diploma	58	244.77	
	Ijazah Sarjana Muda/S1	220	256.48	
	Ijazah sarjana/S2	145	295.37	
	Ijazah Kedoktoran/S3	22	369.11	
Fiqh	UPSR/SD	7	101.14	
	PT3/SMP 13-15	8	149.19	
	SPM/SMP 16-17	30	206.72	
	STPM/SMA	20	133.43	
	Diploma	58	231.59	
	Ijazah Sarjana Muda/S1	220	258.07	
	Ijazah sarjana/S2	145	292.87	
	Ijazah Kedoktoran/S3	22	311.86	
Isu	UPSR/SD	7	247.21	
	PT3/SMP 13-15	8	235.75	
	SPM/SMP 16-17	30	342.88	
	STPM/SMA	20	330.70	
	Diploma	58	306.65	
	Ijazah Sarjana Muda/S1	220	253.13	
	Ijazah sarjana/S2	145	217.78	
	Ijazah Kedoktoran/S3	22	215.34	
Sokongan	UPSR/SD	7	71.00	
	PT3/SMP 13-15	8	75.75	
	SPM/SMP 16-17	30	235.45	

STPM/SMA	20	207.00
Diploma	58	256.97
Ijazah Sarjana Muda/S1	220	251.22
Ijazah sarjana/S2	145	276.60
Ijazah Kedoktoran/S3	22	350.86

Sumber: Data Lapangan

Analisis secara Kruskal-Wallis mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan tahap pendidikan terhadap kesemua aspek yang dikaji (k1, n=7: UPSR/SD; k2, n=8: PT3/SMP 13-15 tahun; k3, n=30: SPM/SMP 16-17 tahun; k4, n=20: STPM/SMA; k5, n=58: Diploma; k6, n=220: Ijazah Sarjana Muda/S1; k7, n=145: Ijazah Sarjana/S2; k8, n=22: Ijazah kedoktoran) dengan nilai  $\chi^2$  (4, n=510)=29.288, p=.000. Wanita yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi lebih bersedia untuk berperanan dalam pembangunan ekonomi dengan nilai  $\chi^2$  (7, n=510) =73.855, p=.000, lebih tinggi amalan fiqh dalam kerjaya dengan nilai  $\chi^2$  (7, n=510) =44.483, p=.000, lebih memahami isu dengan nilai  $\chi^2$  (7, n=510) =34.268, p=.000 dan sistem sokongan dalam pembangunan ekonomi dengan nilai  $\chi^2$  (7, n=510) =38.166, p=.000.

## CADANGAN DAN PENUTUP

Wanita merupakan insan istimewa yang mampu memberi peranan yang bermakna kepada pembangunan sesebuah negara termasuk Malaysia dan Indonesia. Kajian yang dijalankan bagia melihat kesediaan wanita ini mendapati bahawa wanita muslim mempunyai kesediaan yang baik untuk terlibat dalam pembangunan negara melalui kerjaya. Wanita yang berkerjaya bermakna wanita yang membawa lebih dari satu peranan dalam kehidupannya, suatu bentuk keselarasan, kerjasama, kefahaman dan ketetapan yang wajar perlu ditambahbaik bagi menyediakan wanita dunia kerjaya yang lebih sejahtera bagi wanita. Ini perlu kerana wanita perlu melalui fasa kehamilan, kelahiran, penyusuan, penjagaan bayi dan sebagainya.

Dapatan kajian mengetengahkan bahawa wanita muslim yang berkerjaya perlu mengupayakan diri dalam mengurus tekanan, kemahiran mengacara majlis, menguasai teknologi yang berkaitan dengan bidang kerjaya, terus menimba ilmu dan kemahiran. Banyak kursus atau latihan boleh diikuti oleh wanita agar dapat memantapkan keupayaan dan melicinkan proses yang berlaku dalam dunia kerjaya yang diceburi. Kajian juga mendapati wanita muslim mempunyai kekuatan dalaman dan mampu mengamalkan amalan fiqh semasa berkerjaya dan berkemungkinan juga mempunyai kekuatan mengamalkannya dalam kehidupan seharian dalam keluarga dan bermasyarakat.

Terdapat isu atau masalah yang dihadapi wanita semasa berkerjaya antaranya isu penjagaan anak-anak serta isu apabila bercuti panjang kerana bersalin. Isu ini perlu diperhalusi oleh pihak yang sepatutnya agar dapat ditangani dengan sebaiknya contohnya inisiatif menyediakan pusat asuhan di tempat kerja diperluaskan. Wanita muslim yang berkerjaya didapati memerlukan sistem sokongan yang padu terutamanya daripada pihak keluarga. Wanita perlu lebih cekap dan kreatif mencari peluang-peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan, menganggotai persatuan, badan tertentu, pertubuhan atau organisasi yang mampu menggerakkan wanita maju ke hadapan dan dalam masa yang sama wanita boleh mencipta ruang dan peluang sendiri dalam berkerjaya. Dengan kepesatan perkembangan teknologi semasa, banyak ruang dan peluang yang boleh dimanfaatkan

agar lebih berprestasi dalam kerjaya sekaligus menyumbang kepada pembangunan negara. Kajian yang lebih lanjut boleh dibuat dari pelbagai aspek bagi memperkasakan wanita dalam pembangunan negara seperti kajian berkaitan dalam industri yang banyak melibatkan wanita agar amalan terbaik dapat dikongsi, kajian lanjut isu dan masalah wanita dalam berkerjaya agar tindakan sewajarnya dapat diambil, kajian yang melibatkan wanita yang berada di kawasan miskin tegar atau pendalaman.

## RUJUKAN

Al-Quran.

- Abd al-Rabb Nawwab al-Din. 1986. *Amal al-Mar'ah wa Mawqif al-Islam Minh*, al-Mansurah: Dar al-Wafa', h. 151-160.
- Faisal Othman. 1993. *Kedudukan dan Peranan Wanita Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributers Sdn. Bhd., h. 11.
- Faradillah Iqmal Omar, Samsudin A. Rahim & Ali Salman. 2015. *Penyertaan Digital dan Ciri Keusahawabab dalam Pemerksaan Usahawan Wanita di Malaysia*. Jurnal Komunikasi Jilid 31 (1) 2015, m/s: 241-256.
- Hamzah N., Mustari M. I., & Basiron B. 2013. *Fiqh Sains Rumah Tangga Dan Kerjaya Wanita Cemerlang dalam Sektor Awam di Malaysia* in Prosiding Seminar Pasca Siswazah Fakulti Tamadun Islam Kali Kedua 2013 (Proceedings of the Second Graduate Seminar Faculty of Islamic Civilization 2013) at Main Hall, Faculty of Islamic Civilization on 18-19 Disember 2013, m/s: 106-124.
- Sanger, D., Spliker, A., William, N & Belau, D. 2007. *Opinion of Female Juvenile Delinquents on Communication, Learning and Violence*. Journal of Correctional Education 58(1):69-92.
- Su Lyn, B. 2014. *Malaysia's Missing Women Workers*. Malaymail Online. <http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/malaysias-missingwomen-workers>.
- United Nation Development Programme. 2014. *Study to support the development of national policies and programmes to increase and retain the participation of women in the Malaysia labour force: key findings and recommendations*. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti.
- Zilman, C. 2016. For Women, *The Future of Work is Looking Bleak*. The World Economic Forum. <http://fortune.com/2016/01/19/world-economic-forumwomen/>.